

## **BAB 4:PERBUATAN-PERBUATAN YANG MELANGGAR PERATURAN SEKOLAH**

### **4.1. Kesalahan berat:**

- 4.1.1 Semua kesalahn berat yang terkandung dalam Buku Peraturan Disiplin SM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- 4.1.2 Melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak sekolah di Jabatan Pendidikan.
- 4.1.3 Menulis kepada suratkhbar dengan tujuan untuk mencemarkan nama sekolah.
- 4.1.4 Mengancam pelajar lain dan melakukan perbuatan yang membahayakan pelajar lain.
- 4.1.5 Membuli sama ada dari segi fizikal,mental atau emosi(mengejek-ejek dengan tujuan untuk menjatuhkan maruah seseorang)
- 4.1.6 Sengaja merosakkan harta benda sekolah,menipu dan mencuri.
- 4.1.7 Membawa gambar-gambar lucu,menulis perkataan lucu atau melukis gambar lucu.
- 4.1.8 Melibatkan diri dalam perjudian,dadah dan minum minuman yang memabukkan.
- 4.1.9 Mengambil bahagian dalam pertandingan Ratu Cantik/Model atau fesyen yang menjejaskan imej sekolah.
- 4.1.10 Melakukan perbuatan-perbuatan sumbang(seperti berzina, berkhawat, *lesbian* dan *gay*) yang bertentangan dengan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia.
- 4.1.11 Berkelakuan biadap terhadap Pengetua,guru-guru atau kakitangan sekolah.
- 4.1.12 Bermain permainan-permainan yang berbentuk **sihir** dan membahayakan orang lain.

### **4.2 Perkara-perkara lain:**

- 4.2.1 Biadap terhadap pengawas.
- 4.2.2 Ponteng kelas atau ponteng sekolah
- 4.2.3 Meniru dalam ujian atau peperiksaan.
- 4.2.4 Meniru tandatangan ibu bapa
- 4.2.5 Menukar markah dalam buku laporan
- 4.2.6 Kerap datang lewat ke sekolah
- 4.2.7 Menipu
- 4.2.8 Melakukan kesalahan ringan dan sederhana (yang tertera dalam Buku Peraturan Disiplin JPWP) berulang-ulang kali.

### **4.3 Tindakan tatatertib**

- 4.3.1 Kesemua kesalahan yang dicatatkan di atas adalah melanggar peraturan-peraturan sekolah dan tindakan tatatertib yang setimpal akan dikenakan.
- 4.3.2 Pembuangan atau Penggantungan sekolah akan dikenakan bagi kesalahan-kesalahan yang berat atau berulang.

**4.4 Bagi hukuman yang boleh dikenakan, sila rujuk kepada Buku Peraturan Sek Menengah Disiplin WP (m/s 45,46 dan 47).**

4.4.1 Denda bagi pelajar yang lewat:

SESI PAGI	Selepas 7.25 pagi, anda dikira lewat.	Kutip sampah, menyusun kerusi di dalam dewan atau membantu guru. Bagi pelajar yang lewat lebih 3 kali amaran, kelas tahanan akan dikenakan.
SESI PETANG	Selepas 1.05, anda dikira lewat.	Kutip sampah, menyusun kerusi di dalam dewan atau membantu guru. Bagi pelajar yang lewat lebih 3 kali amaran, pelajar dikehendaki datang awal ke sekolah untuk menjalani denda.

4.4.2 Denda bagi pelajar yang tidak memakai tanda nama

- a. Jika tidak memakai tanda nama lebih daripada 3 kali, anda dikehendaki menghadiri 'temuduga pengawas'
- b. Pelajar akan menjalankan tugas kebersihan **selepas sekolah** pada hari Jumaat (ibu bapa akan dimaklumkan).

4.4.3 Denda bagi pelajar yang bercakap semasa perhimpunan atau majlis-majlis rasmi.

- a. Pelajar akan ditarik keluar dan disuruh berdiri di depan perhimpunan.
- b. Jika dilakukan berulang kali, pelajar perlu menghadiri temuduga dengan pengawas.

4.4.4 Peraturan pakaian sekolah dan tidak menjaga kekemasan diri.

- a. Pelajar yang berulang kali melakukan kesalahan akan menghadiri 'temuduga pengawas' dan akan dihantar ke Lembaga Disiplin.

- b. Kuku yang panjang mesti dipotong dengan segera dan denda akan dikenakan.
- c. Pelajar yang rambutnya tidak kemas akan diminta membeli klip rambut daripada pengawas dan megelipnya dengan segera.

#### **4.5 Kelas Tahanan**

4.5.1 Dijalankan selepas waktu sekolah atau sebelum waktu sekolah.

4.5.2 Hukuman yang dikenakan ialah:

- a. Mengutip sampah
- b. Mencuci tandas**
- c. Membersihkan piano dan organ
- d. Mengemas pejabat, Bilik Pengetua dan Bilik Guru, Bilik Stor
- e. Kerja-kerja lain yang difikirkan sesuai

#### **4.6 Perkara-perkara lain**

4.6.1 Pelajar-pelajar yang melakukan apa-apa kesalahan lebih dari 3 kali, akan dikenakan kelas tahanan.

4.6.2 Hukuman yang setimpal akan dikenakan terhadap pelajar yang mana-mana peraturan yang telah ditetapkan oleh **JPWP dan pihak sekolah.**